

Media Title : Sinar Harian
Headline : Jenayah komersial kini jadi ancaman serius
Date : 10 July 2023
Section : Nasional
Page : 29



KITA kini semakin terdedah kepada sasaran para penipu atau lebih dikenali sebagai *scammer*. Malah bukan sekali atau dua kali cubaan, tetapi banyak kali usaha *scammer* mendekati mangsa dengan macam-macam cara menggunakan pelbagai medium pula.

Penipuan akan menang jika mangsa berjaya diyakinkan bahawa mereka sedang menghadapi situasi yang sebenar. *Scammer* seringkali berjaya mengambil kesempatan atas emosi tidak terkawal pada perkara yang tidak terjangka. Akibatnya, data butiran peribadi atau kewangan diserahkan kepada si penipu sebelum diri sempat tersedar.

Taktik mereka semakin rumit dan kreatif seiring bertambahnya kesedaran orang awam tentang helah *scammer* sedia ada. Banyak sudah mangsa melaporkan wang mereka lesap begitu saja dalam akaun.

Dalam beberapa kes, penipuan ini tidak berlaku dalam tempoh yang sekejap atau dengan sekali panggilan, tetapi ia sengaja dirancang hingga berbulan-bulan atau bertahun lamanya bagi membina kepercayaan mangsa.

Justeru, setiap individu harus mengambil masa untuk berhenti sejenak, berfikir dan semak sebelum bertindak. Tiada siapa boleh pastikan niat orang di sebalik talian. *Scam* ini adalah jenayah terancang dan bijak memanipulasi kelemahan mangsa yang disasarkan.

Berbilion lesap

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan kes jenayah komersial pada tahun lalu melibatkan 30,536 kes membabitkan kerugian RM1.73 bilion. Ia satu jumlah yang terlampau banyak bagi 'perniagaan' yang memperdaya manusia.

Jenayah komersial telah menjadi ancaman serius pada era digital kini, *scammer* menipu dengan pelbagai cara yang licik bagi mengaut keuntungan.

Menurut laman web PDRM, jenayah



Jenayah komersial kini jadi ancaman serius

komersial meliputi penipuan yang memperdaya seseorang atau syarikat bagi mendapatkan barang-barang atau wang melalui pemalsuan seperti penipuan kad kredit, e-banking,

wasiat, insurans, cinta, bungkusan dan juga jenayah siber.

Pelbagai faktor yang menyebabkan ramai menjadi mangsa mereka, antaranya kurang pengetahuan tentang taktik penipuan yang umum, ketamakan, desakan hidup dan kurang waspada.

Namun dengan meningkatkan kesedaran dan mengamalkan langkah pencegahan, seseorang dapat menghindari diri daripada menjadi korban penipuan. Terlalu ramai orang yang diperdaya oleh *scammer*. Baru-baru ini tersebar luas berkenaan penipuan dalam perkhidmatan ibadah badal haji.

Dalam perkembangan lain beberapa hari lepas, banyak pihak yang tampil mengaku menjadi mangsa penipuan yang menawarkan khidmat menukar kredit eBelia Rahmah kepada wang tunai, setelah ia dikreditkan ke akaun e-dompet penerima bermula Isnin minggu lalu.

Kementerian Kewangan (MoF) telah memberikan peringatan dan amaran kepada orang ramai agar waspada dengan pihak yang cuba mempengaruhi penerima menukar kredit kepada wang tunai.

Awas taktik *scammer*

Justeru, sebagaimana seseorang melengkapkan diri dengan seni bela diri bagi menghadapi serangan fizikal, begitu juga individu harus mempersiapkan diri de-



FOTO: BERNAMA

PDRM merekodkan 30,536 kes jenayah komersial pada tahun lalu membabitkan kerugian RM1.73 bilion.

ngan 'senjata' celik teknologi bagi menangkis helah pihak *scammer*.

Kini, maklumat taktik penipuan *scammer* boleh didapati dengan mudah di media sosial seperti PDRM, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Sosial (NFCC), Facebook Amaran *Scam* atau laman sesawang bank.

Sekiranya ada tawaran yang menimbulkan curiga, biasakan diri untuk menggali maklumat lanjut daripada sumber yang dipercayai sebelum mengambil tindakan. Tindakan yang betul boleh menyelamatkan masa depan. Namun alangkah rugi jika terjadi sebaliknya, hanya

kerana bersikap culas dan mengambil jalan singkat bagi mendapatkan sesuatu.

Penting untuk kita mempunyai tabiat meneliti dan menyemak sumber maklumat yang diberikan oleh suatu pihak bertujuan mendapat keabsahan terutama melibatkan transaksi kewangan.

Maklumat peribadi harus dilindungi dengan sangat berhati-hati agar tidak membuka ruang kepada pihak yang ada niat untuk mengambil kesempatan.

*Basmin Maarof ialah Pegawai Jabatan Komunikasi dan Media Pertubuhan IKRAM Malaysia